

>> Menteri Kesihatan **mengesahkan** tiada kes jangkitan **H5N1** berlaku dalam kalangan manusia

AWAS H5N1!

■ 7 kes gejala direkod tetapi disahkan negatif

■ Fasiliti kesihatan diarah tingkat pemantauan





FOTO: EFFENDY RASHID

Harian Metro
11/3/17
MLS 6/7

Ipoh dilanda ILI

Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan di minta menggerakkan aktiviti pencegahan dan kawalan bagi mengelakkan jangkitan penyakit kepada manusia.

Katanya, aktiviti pencegahan dan kawalan dilakukan berdasarkan Garis Panduan Pengurusan Avian Influenza 2004, Kementerian Kesihatan.

"Selain itu, aktiviti pengesanan kes secara aktif dilakukan dalam lingkungan 300 meter radius dari tempat kejadian ayam mati di Kampung Pulau Tebu.

"Pada masa sama, sehingga semalam (kelmarin), sebanyak 58 rumah dilawati membabitkan 235 orang penduduk, 21 anggota kesihatan dan 45 anggota Jabatan Perkhidmatan Veterinar," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, aktiviti promosi kesihatan berkaitan H5N1 dipergiatkan di kawasan dalam lingkungan satu kilometer radius dari tempat kejadian.

"Bagi pengesanan awal kejadian kes dalam kalangan manusia, semua fasiliti kesihatan diarahkan untuk meningkatkan pemantauan ke atas kes seumpama Influenza dan kes jangkitan respiratori yang datang mendapatkan rawatan di klinik kesihatan.

"Anggota kesihatan juga

Ipoh: "Saya mula rasa penat serta tidak bermaya, batuk, demam dan hilang selera makan pada Ahad lalu, Alhamdulillah selepas menerima rawatan keadaan saya semakin baik," kata Ammar Nur Mohamad Ammar Razin, 17.

Ammar yang juga pelajar tingkatan lima Sekolah Tunku Abdul Rahman (STAR) antara 216 pelajar dari tiga sekolah di negeri ini yang disahkan menghidap gejala seperti Influenza (ILI) manakala 57 lagi pelajar di Se-

kolah Menengah Abdul Rahman Talib (SMART) di Teluk Intan disyaki dijangkiti gejala berkenaan.

Daripada 216 pelajar itu, ia membabitkan 86 pelajar STAR, 129 pelajar Sekolah Raja Perempuan Taayah dan tiga pelajar Sekolah Kebangsaan (SK) Klebang.

Perkara itu disahkan Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Pengangkutan Awam, Hal Ehwal Bukan Islam, Integrasi Nasional dan Kampung Baharu negeri Datuk Dr

Mah Hang Soon dan menyatakan kesemua pelajar berkenaan mula menghidap gejala Influenza A (H3) atau selesema bermusim sejak 4 Mac lalu dan bukannya H1N1 seperti tular di media sosial.

Ammar yang ketika ini disahkan bersama pelajar lain yang dijangkiti gejala berkenaan di Pusat Kukurikulum STAR di sini berkata, dia terkejut kerana bukan dirinya sahaja yang mengalami simptom berkenaan namun rakannya yang lain turut

menghadapi gejala sama.

Katanya, dia berasa lega apabila keadaannya kini semakin pulih dan tidak tahu punca sebenar dia dan rakannya dijangkiti gejala berkenaan sehingga menyebabkan badannya menjadi lemah.

"Keluarga sudah mengetahui keadaan saya dan saya tidak dibenarkan pulang ke rumah kerana bimbang gejala ini berjangkit kepada ahli keluarga yang lain," katanya.

Kota Bharu

Terpaksa batal majlis kahwin

Majlis perkahwinan seorang penduduk kampung pada 23 Mac ini terpaksa dibatalkan berikutan wabak selesema burung (H5N1) di Kampung Pulau Tebu, Tunjong, di sini, sejak dua minggu lalu.

Penduduk, Afri Yusof, 36, berkata, dia sepatutnya mengadakan majlis perkahwinan pada tarikh itu, namun dalam dilema disebabkan wabak terbabit.

"Majlis di sebelah perempuan pada 20 Mac ini dan 23 Mac di sebelahnya, namun tidak dapat diteruskan.

“Selepas disuntik, ayam itu mati pada keesokannya sebelum JPV mengambilnya untuk pemeriksaan lanjut di makmal”

Penduduk

kampung di kawasan itu.

"Belum cukup sehari, ayam laga itu dikatakan tidak sihat dan keadaannya sangat lemah.

"Pemilik kemudian



DR Mah (kanan) melihat kakitangan kesihatan memeriksa pelajar.

kalangan manusia dilaporkan,” katanya dalam kenyataan, di sini, semalam.

Kelmarin, Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr S Subramaniam dipetik berkata, pihaknya mengesahkan tiada jangkitan kes H5N1 berlaku dalam kalangan manusia setakat ini walaupun, ada ternakan ayam diserang penyakit itu.

Beliau dilaporkan berkata, punca jangkitan H5N1 pada ayam kampung itu masih disiasat.

Dr Noor Hisham berkata, berdasarkan maklumat Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan,

“Anggota kesihatan juga diminta meningkatkan prosedur kawalan jangkitan di fasiliti kesihatan,” katanya.

Mengulas lanjut, Dr Noor Hisham berkata, semua anggota Jabatan Kesihatan dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar menggunakan alat perlindungan diri yang lengkap semasa menjalankan aktiviti di lapangan.

“Status kesihatan anggota dipantau setiap hari bagi memastikan tiada jangkitan dalam kalangan mereka yang menjalankan aktiviti di lapangan.

“Sehingga semalam, semua petugas yang terbahit berada dalam keadaan sihat,” katanya.

DR Mah (kanan) melihat kakitangan kesihatan memeriksa pelajar.



PELAJAR Sekolah Raja Perempuan Taayah, Ipoh memakai topeng muka sebagai langkah keselamatan.



DR Mah meninjau asrama pelajar.

diteruskan.

“Saya buntu kerana semua persiapan sudah dibuat termasuk mengedarkan kad kepada tetamu,” katanya.

Katanya, wabak H5N1 menyebabkan enam ayam kampung peliharaannya mati secara mengejut.

Sementara itu, seorang penduduk yang enggan dikenali berkata, seekor ayam laga yang dibawa pulang dari Kuala Lumpur dikesan positif H5N1.

Menurutnya, ayam laga berkenaan dibawa pulang untuk diserahkan kepada keluarga seorang penduduk

“Pemilik kemudian membawa ayam itu ke Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Kelantan untuk mendapatkan suntikan.

“Selepas disuntik, ayam itu mati pada keesokannya sebelum JPV mengambilnya untuk pemeriksaan lanjut di makmal.

“JPV memaklumkan bahawa ayam terbahit positif H5N1, sebelum 227 unggas di kampung itu dimusnahkan bagi mengelak wabak terbahit merebak,” katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Kota Bharu

Penduduk terus bela ternakan

Penduduk di sekitar bandar ini masih memelihara ayam seperti biasa berikutan tidak mendapat arahan terkini atau larangan susulan wabak selesema burung (H5N1) yang berlaku hampir dua minggu lalu.

Seorang suri rumah, Limah Che Wil, 62, berkata, dia yang memelihara empat ayam mendakwa tidak mengetahuinya.

“Ayam peliharaan saya dan penduduk kampung lain

tidak mempunyai masalah kesihatan dan dijaga baik.

“Saya memelihara empat ayam serama sejak enam bulan lalu dan semuanya dalam keadaan baik,” katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Lembah Sireh, di sini, semalam.

Menurutnya, wabak H5N1 paling ditakuti kerana ia menyebabkan kematian semua ternakan dengan cepat.